




Fasa pemuliharaan negara perlukan strategi kreatif, menyeluruh

Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my

Berbeza dengan krisis ekonomi kita lalu sejak merdeka, apa yang berlaku pada tahun lalu akibat pandemik COVID-19 tidak pernah dialami sebelum ini atau *unprecedented* – bukan sahaja kepada ekonomi Malaysia, bahkan negara lain dan ekonomi global secara keseluruhannya.

Krisis ekonomi ini membabitkan kedua-dua kejutan permintaan serta penawaran secara serentak dan di seluruh dunia pada masa sama. Keganahan ekonomi kali ini juga membabitkan krisis dalam sektor kesihatan – dipanggil krisis berkembar.

Di negara ini, ada juga melihat dua lagi krisis berlaku serentak, iaitu krisis politik dan sosial. Apabila kita sebut berkenaan kejutan permin-taan dan penawaran, ia adalah keadaan aktiviti ekonomi terhenti secara mendadak akibat pergerakan ekonomi serta sosial disekat untuk mengekang penularan wabak.



Ketua Unit
Penyelidikan Risiko
Ekonomi dan
Politik, Universiti
Utara Malaysia

rusan mental baik.

Ekonomi dan manusia pula tidak boleh 'dikurung' dalam jangka panjang atau hanya dibuka apabila virus sudah tiada. Ini tidak realistik. Dari sudut ekonomi, jika sempadan negeri masih tidak dibenarkan untuk dibuka dan kerajaan meneruskan pakej bantuan langsung kepada rakyat dan peniaga, ini jangka akan mengakibatkan berlaku keadaan agak parah dalam ekonomi, iaitu stagflasi.

Stagflasi terjadi apabila ekonomi negara tidak tumbuh atau bertumbuh pada kadar lembap, namun tekanan inflasi semakin meningkat dan kadar pengangguran tinggi. Bibit fenomena stagflasi ini sudah pun dapat dilihat di beberapa negara maju.

Sebab itu pembukaan sempadan negeri adalah langkah tepat yang dijangka akan merangsang semula pertumbuhan ekonomi negara, terutama pada suku keempat tahun ini dan separuh pertama tahun hadapan.

Selain merangsang pertumbuhan ekonomi sekali gus dapat mengelakkan stagflasi, pembukaan sempadan negeri jelas melegakan peniaga yang begitu terjejas akibat COVID-19.

Adalah sukar untuk meneruskan perniagaan walaupun peniaga dibenar membuka perniagaan ke-

rana pelanggan terhad akibat sekatan pergerakan sebelum ini. Jadi, pembukaan sempadan negeri ini dijangka dapat merancakkan lagi aktiviti perniagaan dan juga perbelanjaan swasta serta permintaan domestik ekonomi negara.

Ramai juga yang begitu tertekan dari segi mental kerana terlalu lama duduk di rumah dan sudah lama tidak berjumpa ibu bapa serta saudara-mara kini dapat balik ke kampung dan sebagainya.

Namun, kita perlu faham aktiviti ekonomi dan perniagaan ini walaupun dijangka kembali rancak setelah sempadan negeri dibuka, ia memerlukan masa untuk pulih dan kembali kepada tahap sebelum pandemik.

Ada antara peniaga sudah pun 'gulung tikar' dan ada juga telah memfailkan kemufilsan. Begitu juga dalam pasaran buruh. Ramai yang hilang pekerjaan, masih lagi tidak mendapat pekerjaan sebelumnya ataupun pekerjaan baharu. Pendapatan dan hasil perniagaan juga belum diperoleh secara seratus peratus.

Kerajaan perlu memantau fasa pemulihan ini dengan lebih teliti dan memperkenalkan strategi serta langkah lebih kreatif supaya dilihat lebih proaktif dalam menangani hal ini sejajar dengan prinsip Keluarga Malaysia dan juga pendekatan *whole-of-na-*